

51,713 AP dikeluarkan tahun lepas

um - 8/7/2005.

KUALA LUMPUR 7 Julai - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) hari ini menjelaskan bahawa ia mengeluarkan sejumlah 51,713 Permit Import (AP) tahun lepas, bukan 67,000 AP seperti yang dikatakan oleh Penasihat Proton Holdings Bhd. dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Menteri MITI, Datuk Mah Siew Keong ketika memberikan perangkaan itu berkata: "Saya hanya mahu memperjelaskan angka rasmi."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas upacara pembukaan Pameran Jentera Antarabangsa Malaysia (MIMF) Ke-16 di sini hari ini.

Pada satu sidang akhbar awal minggu ini, Dr. Mahathir menyatakan daripada sejumlah 67,000 AP yang dikeluarkan tahun lepas, hanya 12,600 diberikan kepada 82 syarikat manakala sebahagian besar daripadanya iaitu 54,000 AP telah diberikan kepada 20 buah syarikat.